

## FPSK Anjur Wacana Harmoni Pengurusan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 31 Oktober 2018 12:03 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 136

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 31 OKTOBER -** Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini telah menganjurkan wacana harmoni (retreat) pengurusan melibatkan timbalan-timbalan dekan, ketua jabatan dan Pengarah Pusat Penyelidikan Perubatan & Kesihatan Borneo (MEDHREC) serta pegawai pengajaran dan pembelajaran (P&P) fakulti.

Timbalan Pendaftar FPSK merangkup penyelaras retreat, Hasmi Hashim berkata, antara kandungan pengisian program itu termasuklah melihat dan

menambah baik pencapaian semasa bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang digariskan dalam pra retreat FPSK yang diadakan pada awal tahun 2018.

“Ia merangkumi lima segmen utama iaitu Akademik dan Antarabangsa; Penyelidikan dan Pascasiswazah; Hal Ehwal Pelajar dan Jaringan Komuniti; Bahagian Pentadbiran; dan MEDHREC.

“Kelima-lima segmen KPI yang digariskan ini adalah berdasarkan kepada Bidang Keberhasilan Utama UMS (UMS-KRA),” jelasnya dalam satu kenyataan di UMS.

Sementara itu, Dekan FPSK Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree dalam kenyataan yang sama memaklumkan bahawa, retreat itu juga bertujuan untuk mengukur dan menambahbaik prestasi pencapaian KPI fakulti.

“Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melihat semula dan membuat penambahbaikan secara berterusan terhadap sebarang ruang yang boleh ditambah baik.

“Besarlah harapan saya agar semua KPI yang ditetapkan FPSK akan berjaya dicapai menjelang akhir tahun demi kemajuan fakulti dan UMS secara keseluruhannya,” ujarnya.

Sumber: FPSK